

# Kesedaran rakyat isu penjagaan alam sekitar masih rendah

B/HARIAN  
25/9/19  
MS 16

**Putrajaya:** Tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia mengenai penjagaan alam sekitar masih rendah, sekali gus menyukarkan aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kerakusan manusia sendiri menjadi punca perubahan iklim dan peremanasan global, yang sepatutnya menyentap kesedaran masyarakat di seluruh dunia terutama Malaysia, supaya lebih menghargai alam sekitar.

Beliau berkata, masyarakat boleh memainkan peranan dengan mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan mengajar kanak-kanak mengenai kepentingan alam sekitar.

"Malah, mereka perlu diberi kesedaran dengan menanam lebih banyak pokok sebagai sumber oksigen, mengitar semula bahan terbuang dan membantu kerajaan mengenalpasti pihak yang men-

cemari alam sekitar.

"Biarpun usaha ini perlu dilakukan dalam kalangan masyarakat, cabaran yang dihadapi amat besar kerana ia masalah sejagat, maka usaha menanganinya secara berkesan perlu membabitkan masyarakat antarabangsa dan kerajaan, terutama negara maju yang menjadi pengeluar utama gas rumah hijau."

"Bagi Malaysia, cabaran utama menghadapi kesan perubahan iklim ialah memperkenalkan langkah penyesuaian dalam sektor tertentu bagi mengurangkan kesan jangka panjang fenomena ini," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian persidangan Pelan Tindakan Kesihatan Persekitaran Kebangsaan (NEHAP) 2019, yang menjadi perancangan dan pelaksanaan tindakan kesihatan alam sekitar secara komprehensif lagi holistik, membabitkan pelbagai disiplin serta sektor

Dzulkefly mendengar penerangan Jurutera Kesihatan Umum Perlindungan Kesihatan Alam Sekitar, Zairul Ain Zulkafli selepas perasmian persidangan NEHAP 2019 di putrajaya, semalam.  
(Foto BERNAMA)

peringkat nasional.

Persidangan bertema 'Kesihatan Alam Sekitar: Menghadapi Cabaran Perubahan Iklim' itu dihadiri 170 peserta merangkumi wakil kementerian dan jabatan peringkat Persekutuan, negeri, universiti serta sektor swasta yang terbabit dengan program berkaitan kesihatan alam sekitar.

Mengulas mengenai NEHAP, Dr Dzulkefly berkata, antara yang diberi tumpuan adalah kualiti udara, air, pembetungan, sisa pepejal,

sisa toksik, kimia berbahaya, perubahan iklim, pelan kesediaan luar jangka dan kecemasan alam sekitar.

Yang turut diberi penekanan ialah penilaian kesan kesihatan, teknologi maklumat, perparitan bandar, pakar kesihatan alam sekitar serta vektor pembawa penyakit.

"Pelan strategik setiap bidang tumpuan berkaitan kesihatan alam sekitar dibangunkan mengikut isu, keadaan semasa dan ca-

baran bagi setiap bidang berkaitan di bawah penubuhan 11 Kumpulan Kerja Tematik (TWG).

"Melalui perkongsian dan kerjasama NEHAP ini, saya berharap kepentingan Pencegahan kesihatan dapat diterapkan dalam pembentukan dasar dan gerak kerja tugas pelbagai agensi berkaitan.

"Ini memberikan keberhasilan yang baik di mana wujudnya peningkatan kerjasama dan penggunaan sumber yang optimum," katanya.

